



Ikrar Integriti Korporat Bank Pembangunan Malaysia Berhad

Menyedari bahawa:

- Prinsip-Prinsip Anti-Rasuah untuk Syarikat-syarikat di Malaysia, sebagaimana yang mungkin dipinda atau disemak dari masa ke semasa, adalah prinsip-prinsip yang harus dilakukan oleh syarikat-syarikat di Malaysia, untuk mempromosi integriti, ketelusan dan urus tadbir yang baik di dalam semua aspek operasinya;
- untuk menjalankan perniagaan bebas daripada rasuah dan selaras dengan Prinsip Anti-Rasuah untuk Syarikat di Malaysia, adalah bertindak demi kepentingan terbaik bagi Bank Pembangunan Malaysia Berhad (Bank) serta pemegang sahamnya, kerana rasuah memusnahkan nilai pemegang saham, melemahkan kepercayaan pelabur dan merupakan antitesis terhadap pertumbuhan lestari,

Bank dengan ini berikrar akan:

- tidak, melakukan apa-apa kesalahan rasuah di bawah mana-mana undang-undang, seperti Akta SPRM 2009 atau Kanun Keseksaan melalui mana-mana pegawainya, wakil atau ejennya,
- tidak menjalankan sebarang amalan perniagaan atau aktiviti yang memerlukan atau mendorong mana-mana pekerja, wakil atau ejennya melakukan kesalahan tersebut;
- bekerjasama dengan rakan niaga, pengawal selia dan agensi penguatkuasaan undang-undang bagi mewujudkan persekitaran perniagaan yang bebas daripada rasuah; dan
- menegakkan Prinsip-Prinsip Anti-Rasuah bagi Syarikat-syarikat di Malaysia dalam menjalankan perniagaannya serta dalam interaksinya dengan rakan perniagaannya dan Kerajaan.

Ditandatangani pada 26 Mei 2016